A

PP

lwn.

ALADIB JAIS

B

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, JOHOR BAHRU
SAMSUDIN HASSAN PK
[RAYUAN JENAYAH NO: 42S-15-2010]
10 OGOS 2011

C

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Akta Pencegahan Rasuah 1997 ('Akta') - Seksyen 10(a)(aa) - Meminta dan menerima suapan - Rayuan terhadap pembebasan tertuduh - Sama ada pendakwaan gagal membuktikan kes prima facie - Sama ada elemen-elemen pertuduhan di bawah Akta terbukti - Niat tertuduh - Sama ada pendakwaan gagal*

D

membuktikan wang yang diterima diperolehi secara rasuah - Sama ada terdapat perchanggahan dalam keterangan saksi - Sama ada terdapat jurang dalam kes pendakwaan - Sama ada anggapan di bawah s. 42(1) Akta terpakai

E

Ini adalah rayuan pihak Pendakwa Raya terhadap keputusan hakim Mahkamah Sesyen dalam melepas dan membebaskan responden ('tertuduh') tanpa dipanggil untuk membela diri atas pertuduhan di bawah s. 10(a)(aa) Akta Pencegahan Rasuah 1997 ('Akta'). Tertuduh telah dituduh dengan menerima secara rasuah suatu

F

suapan, iaitu wang tunai sebanyak RM350 ('wang tersebut') daripada SP2 sebagai dorongan untuk menjamin bahawa SP1 lulus ujian jalan raya dan ujian meletak kenderaan ("parking") kelas 'D' Jabatan Pengangkutan Jalan ('JPJ'). Antara alasan yang dikemukakan oleh pihak Pendakwa Raya dalam petisyen rayuannya

G

adalah bahawa hakim Mahkamah Sesyen khilaf dalam memutuskan *inter alia*, bahawa: (i) dakwaan pihak pembelaan adalah munasabah di mana wang tersebut merupakan bayaran lebih masa, sedangkan ia bertentangan dengan keterangan yang dikemukakan dan tidak dapat mematahkan anggapan s. 42(3) Akta dan (ii) bayaran wang

H

tersebut tidak dibuat kepada pusat latihan memandu sepertimana keterangan daripada pengurus pusat latihan memandu tersebut ('SP3').

Diputuskan (menolak rayuan; mengekalkan perintah Mahkamah Sesyen):

I

(1) Bagi pertuduhan di bawah s. 10(a)(aa) Akta, elemen kesalahan yang perlu dibuktikan adalah bahawa, (i) tertuduh telah menerima secara rasuah untuk dirinya satu suapan iaitu wang

tersebut daripada SP2 dan (ii) tertuduh telah menerima suapan tersebut sebagai dorongan supaya SP1 dijamin lulus ujian jalan kelas 'D' JPJ. (perenggan 6)

(2) Semasa pemeriksaan balas, SP1 sendiri telah mengaku bahawa beliau tidak pandai untuk membawa kereta. Oleh itu, SP1 telah meminta tertuduh untuk mengajar beliau "skill" dan lebih masa. Isu mengenai ini dapat juga dilihat daripada transkripsi rakaman perbualan telefon di antara SP2 dan responden dimana ianya menunjukkan bahawa sekiranya SP1 membayar lebih, tertuduh boleh mengajar "skill" memandu di jalan raya dan meletak kenderaan ("parking"). Tidak ada apa-apa bukti yang dikemukakan oleh pendakwaan untuk menunjukkan bahawa responden tidak boleh menerima wang daripada SP1. Kalau dilihat dari aspek *mens rea*, responden tidak menerima wang tersebut dengan apa-apa niat jahat ("evil intention") atau fikiran jahat ("evil mind") (*Lim Kheng Kooi & Anor v. Regina* dirujuk). (perenggan 8-11)

(3) Keterangan daripada SP1, SP2 dan SP3 jelas menunjukkan bahawa responden tidak mengambil wang tersebut sebagai dorongan untuk kelulusan lesen disebabkan ianya bukanlah di dalam bidang kuasa responden. Apa yang jelas daripada keterangan semua saksi pendakwaan adalah melibatkan pihak JPJ dan ini terpampang di dalam borang aduan di mana SP1 telah mengadu bahawa wang tersebut adalah untuk bayaran penguji ("tester") JPJ supaya beliau dijamin lulus. Oleh itu, pihak JPJ adalah saksi penting ("material witness") untuk membuktikan pertuduhan terhadap tertuduh (*Abdullah Zawawi Omar v. PP*; dirujuk). (perenggan 16-20)

(4) Tanpa membawa pegawai JPJ untuk memberi keterangan mengenai wang tersebut, ianya telah menimbulkan jurang dalam kes pendakwaan ("gap in the prosecution case"). Sungguhpun pendakwaan menawarkan pegawai JPJ kepada pihak pembelaan selepas menutup kes pendakwaan, ianya tidak mencukupi untuk membuktikan elemen pertuduhan. Adalah menjadi tanggungjawab pihak pendakwaan untuk memanggil saksi untuk melunaskan beban pembuktian *prima facie* (*Looi Kow Chai & Anor v. PP*; dirujuk). (perenggan 21)

(5) Pihak pendakwaan tidak memberi sebarang penjelasan mengenai percanggahan keterangan SP1, SP2 dan SP3 apabila SP1 dan SP2 telah menyatakan bahawa responden telah mengajar dari pukul 12 hingga 5 petang manakala SP3 pula

menyatakan bahawa responden telah mengajar dari 11 pagi sehingga 1 petang yang disokong oleh keterangan dokumen. Tanpa memberi penjelasan kepada perchanggahan tersebut, maka mahkamah boleh membuat inferens berpihak kepada tertuduh bahawa beliau telah mengajar SP1 lebih masa. (perenggan 25 & 26)

(6) Oleh kerana pihak pendakwaan telah gagal mengemukakan keterangan yang boleh dipercayai ("credible evidences") untuk membuktikan kedua-dua elemen kesalahan di bawah s. 10(a)(aa) Akta, maka anggapan di bawah s. 42(1) Akta adalah tidak terpakai. Oleh itu, pihak pendakwaan telah gagal membuktikan satu kes *prima facie* ke atas tertuduh. (perenggan 28 & 29)

Kes-kes yang dirujuk:

Abdullah Zawawi Omar v. PP [1985] 2 CLJ 2; [1985] CLJ (Rep) 19 SC ***(dirujuk)***
Dato' Hj Azman Mahalan v. PP [2007] 3 CLJ 495 HC ***(dirujuk)***
Gunalan Ramachandran & Ors v. PP [2006] 1 CLJ 857 FC ***(dirujuk)***
Lim Kheng Kooi & Anor v. Regina [1957] 1 LNS 36 HC ***(dirujuk)***
Looi Kow Chai & Anor v. PP [2003] 1 CLJ 734 CA ***(dirujuk)***
Mohan Singh Lachman Singh v. PP [2002] 3 CLJ 293 CA ***(dirujuk)***
PP v. Datuk Hj Harun Hj Idris [1976] 1 LNS 96 HC ***(dirujuk)***
PP v. Datuk Hj Harun Hj Idris & Ors [1977] 1 LNS 92 HC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Anti-Corruption Act 1997, ss. 10(a)(aa), 42(1), (3)
Evidence Act 1950, s. 114(g)

Bagi pihak perayu - Abd Ghaffar Abd Latif TPR
Bagi pihak responden - Barathi; T/n Kamarudin Yusof & Assocs

Dilaporkan oleh Kumitha Abd Majid

PENGHAKIMAN

Samsudin Hassan PK:

Pendahuluan

[1] Ini adalah rayuan oleh perayu terhadap keputusan Tuan Hakim, Mahkamah Sesyen di Johor Bahru, Johor, yang dibuat pada 13 April 2010 di mana tuan hakim telah melepaskan dan membebaskan responden tanpa dipanggil membela diri atas satu pertuduhan di bawah s. 10(a)(aa) Akta Pencegahan Rasuah 1997 (Akta 575).

Pertuduhan

[2] Pertuduhan yang dikemukakan terhadap perayu adalah seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 19 Mei 2004, jam lebih kurang 12.20 tengah hari, di Pusat Latihan Memandu Intensif yang beralamat di Lot 8173, Jalan Pertahanan, Taman Desa Rahmat, Tampoi, dalam Daerah Johor Bahru, dalam Negeri Johor, telah secara rasuah menerima bagi diri kamu suatu suapan, iaitu, wang tunai RM350.00 daripada Puvaneswaran Dass a/l Suppiah Dass sebagai dorongan untuk kamu melakukan suatu perkara yang dicadangkan, iaitu supaya Santhi a/p Doraisamy dijamin ("guarantee") lulus ujian jalan raya dan ujian meletak ("parking") kenderaan kelas 'D' Jabatan Pengangkutan Jalan, dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah Seksyen 10(a)(aa) Akta Pencegahan Rasuah 1997 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 16 Akta yang sama.

Alasan Rayuan

[3] Pendakwa Raya yang mewakili perayu telah mengemukakan pelbagai alasan dalam petisyen rayuan yang tidak berpuas hati terhadap perintah melepas dan membebaskan responden. Antara alasan utama ialah seperti berikut:

(a) Tuan Hakim Mahkamah Sesyen khilaf apabila melepaskan dan membebaskan responden daripada pertuduhan di akhir kes pendakwaan; walaupun pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu *prima facie* kes.

(b) Tuan Hakim Mahkamah Sesyen khilaf apabila melepaskan dan membebaskan responden daripada pertuduhan; walaupun setiap intipati kesalahan telah berjaya dibuktikan oleh pihak pendakwaan.

(c) Tuan Hakim Mahkamah Sesyen khilaf apabila melepaskan dan membebaskan responden daripada pertuduhan di akhir kes pendakwaan; tanpa mengambilkira peruntukan s. 42(3) Akta Pencegahan Rasuah 1997 terpakai terhadap responden.

(d) Tuan Hakim Mahkamah Sesyen khilaf apabila memutuskan bahawa responden tiada kuasa untuk melulus atau menggagalkan ujian memandu SP1, Santhi a/p Duraisamy; tanpa mengambilkira keseluruhan keterangan yang dikemukakan yang menunjukkan sebaliknya.

A (e) Tuan Hakim Mahkamah Sesyen khilaf apabila memutuskan bahawa responden tidak berada di dalam kedudukan untuk menerima suapan; tanpa mengambilkira keseluruhan keterangan yang dikemukakan yang menunjukkan sebaliknya.

B (f) Tuan Hakim Mahkamah Sesyen khilaf apabila memutuskan bahawa semasa wang suapan diberikan tiada sebarang ujian memandu dijalankan oleh pihak JPJ; sedangkan ia bukannya intipati pertuduhan yang perlu dibuktikan.

C (g) Tuan Hakim Mahkamah Sesyen khilaf apabila memutuskan bahawa terdapat keterangan yang meyakinkan bahawa responden mengajar lebih masa kepada SP1; sedangkan ianya telah dinafikan oleh SP1 dan SP2.

(h) Tuan Hakim Mahkamah Sesyen khilaf apabila memutuskan
D bahawa adalah munasabah dakwaan pihak pembelaan bahawa wang RM350 adalah bayaran lebih masa; sedangkan ia bertentangan dengan keterangan yang dikemukakan dan tidak dapat mematahkan anggapan s. 42(3) Akta Pencegahan Rasuah 1997 yang terpakai.

E (i) Tuan Hakim Mahkamah Sesyen khilaf apabila memutuskan bahawa elemen-elemen kesalahan rasuah tidak dapat dibuktikan terhadap responden; sedangkan ia bertentangan dengan keterangan yang dikemukakan.

F (j) Tuan Hakim Mahkamah Sesyen khilaf apabila gagal mengambilkira bayaran wang RM350 tidak dibuat kepada Pusat Latihan Memandu dan tanpa pengetahuan Pusat Latihan Memandu sepertimana keterangan SP3; menunjukkan *mens rea* responden.

G **Alasan-alasan di Atas Akan Dibincangkan Seperti di Bawah Berikut**

Alasan-alasan (a), (b), (d), (e), (f), (g), (h) dan (j) bersekali:

H **[4]** Tuan Hakim Mahkamah Sesyen di dalam alasan penghakimannya di ms 11 hingga ms 27 rekod rayuan telah meneliti dan menimbang keterangan semua saksi pendakwaan dan eksibit-eksibit yang telah dikemukakan semasa perbicaraan serta
I menimbang penghujahan kedua-dua belah pihak dan nas-nas undang-undang yang dikemukakan dan akhirnya memutuskan pihak pendakwaan telah gagal membuktikan kes *prima facie* ke atas responden sebagaimana pertuduhan.

[5] Kenyataan di atas mencerminkan pemikiran Tuan Hakim Mahkamah Sesyen fokus kepada penilaian yang maksima terhadap semua keterangan yang dikemukakan dalam kes ini menunjukkan pihak pendakwaan gagal membuktikan kes *'prima-facie'* ke atas responden. Kalau diteliti dan dikaji secara terperinci keseluruhan keterangan peringkat pendakwaan ianya gagal membuktikan elemen kesalahan di bawah s. 10(a)(aa) Akta Pencegahan Rasuah 1997.

[6] Bagi pertuduhan di bawah s. 10(a)(aa) Akta Pencegahan Rasuah 1997 elemen kesalahan yang perlu dibuktikan ialah:

(i) Responden telah menerima secara rasuah untuk dirinya satu suapan iaitu wang tunai sebanyak RM350 daripada Puvaneswaran Dass a/l Suppiah Dass (SP2); dan

(ii) Responden menerima suapan tersebut sebagai dorongan supaya Santhi a/p Doraisamy (SP1) dijamin (guarantee) lulus ujian kelas D Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

Elemen Pertama

[7] Permulaannya inginlah dirujuk takrifan "corrupt" sepertimana dalam kes *PP v. Datuk Haji Harun Haji Idris* [1976] 1 LNS 96 khususnya ms 22 dan 23 seperti berikut:

> "Corrupt" means doing an act knowingly that the act done is wrong, doing so evil feeling and evil intentions. Purposely doing an act which the law forbids.
>
> "Corrupt" is a question of intention. If the circumstances show that what a person has done or has omitted to do was moved by evil intentions or a guilty mind then he is liable under this section. The real point is whether there is soliciting a political donation with a corruption intention.

[8] SP1 telah memberi keterangan semasa pemeriksaan balas seperti ini:

"Encik Aladib ajar sampai habis kelas"

"Encik Aladib ajar saya buat parking dengan betul"

S: Selepas Encik Aladib ajar kamu, kamu boleh bawa kereta dengan betul?

J: Ya, tapi, parking ada sedikit problem.

S: Pada 18 Mei 2004 pukul 5.30 petang ada suruh Encik Aladib ajar kamu parking dengan betul?

J: Ada.

(lihat ms 39 dalam rekod rayuan)

Jadi keterangan ini menunjukkan SP1 sendiri telah mengaku bahawa beliau tidak pandai bawa kereta. Responden pula telah mengajar SP1 untuk membawa kereta dengan baik dan telah mengajar parking.

[9] SP1 disokong oleh pegawai penyiasat SP7 di mana keterangannya seperti berikut:

J: Saya tahu yang sasaran telah ajar skill dan lebih masa kepada Santhi. Santhi sendiri mengakui perkara ini.

(lihat ms 96 dalam rekod rayuan).

Kesimpulannya SP1 di sini minta responden untuk ajar beliau skill dan lebih masa.

[10] Isu mengenai pengajaran lebih masa dan skill dapat juga dilihat di dalam transkripsi rakaman perbualan telefon di antara SP2 dengan responden pada 19 Mei 2004 (P18) di mana keterangan-keterangannya seperti berikut:

SP2:	Ha ... pasal berapa tu' boleh kurang lagi ke? Untuk bahagian road itu.
Responden:	Bagi 300 ringgit cukup.
SP2:	Tiga ratus cukup ha?
Responden:	Ya ...
SP2:	Ha habis ta'de hal ha – JPJ takde hal pasal itu parking problem sikit.
Responden:	Itu hal urusan I sahaja you don't worry.
SP2:	Santhi itu takut sikit bahagian jalan.
Responden:	Ia boleh latih kalau boleh bawa I tak buka cerita ...
SP2:	Ya, bahagian jalan raya itu?

Responden: Lain le ...

SP2: Jadi bang tolonglah boleh ajar jalan raya tak?

Responden: Boleh memang nak ajar hari ini.

SP2: Ajar ye oklah bang terima kasih ya ...

Responden: Ok.

Rakaman perbualan di atas menunjukkan responden boleh ajar skill memandu di jalan raya dan parking sekiranya Santhi (SP1) bayar lebih dan lagipun tidak ada apa-apa bukti pun dikemukakan oleh pendakwaan untuk menunjukkan responden tidak boleh terima wang daripada calon (SP1). Kalau benar SP3 kata dalam surat perlantikan ada dinyatakan responden tidak dibenarkan mengambil sebarang pembayaran daripada calon tetapi kenapa beliau hanya gagal mendapati surat perlantikan berbanding surat amaran (P10), surat pengesahan penamatan kerja (P11) dan notis penamatan perkhidmatan (P12) padahal diakuinya semua dokumen-dokumen itu boleh diperolehi di dalam fail. Dengan demikian maka s. 114(g) Akta Keterangan 1950 boleh digunapakai kerana jika surat perlantikan dibawa tentu ia akan menjadi "unfavourable" kepada pihak pendakwaan. Dilihat daripada keterangan keseluruhannya maka disimpulkan bahawa SP1 sendiri sahaja yang ingat itu adalah wang rasuah.

[11] Kalau dilihat dari aspek *"mens rea"* sekalipun responden tidak terima wang tersebut dengan apa-apa "evil intention" atau "evil mind" bertepatan dengan prinsip yang diputuskan dalam kes *Lim Kheng Kooi & Anor v. Regina* [1957] 1 LNS 36 di ms. 21 dan 27 dipetik seperti berikut:

> Before leaving this aspect of the question, however, I must touch upon the question of *mens rea*. In the case of Bradford Election petition, Martin B at page 727 is reported to have said:
>
> > ... but I am satisfied it means a thing done with an evil mind – done with an evil intention: and expect there be an evil mind or an evil intention accompanying the act it is not corruptly done. And thus when the word corruptly is used it means an act done by a knowing that he is doing what is wrong, and doing so with evil feelings and evil intention. I think it may be safely said that is the meaning of the word corruptly.

[12] Keterangan sokongan seterusnya ialah oleh SP3 (Pengurus Pusat Latihan Memandu Intensif) semasa pemeriksaan balas telah menyatakan bahawa responden ajar SP1 dari jam 11 pagi hingga 1 petang dan mengaku yang jurulatih (responden) boleh ajar lebih masa. Jadi asasnya responden boleh ajar lebih masa dan skill.

[13] Dengan demikian, mahkamah memutuskan dengan adanya fakta tersebut maka pendakwaan gagal membuktikan wang RM350 itu diperolehi secara rasuah.

Elemen Kedua

[14] Sekali lagi mahkamah ini merujuk kepada kes *PP v. Datuk Haji Harun Hji Idris & Ors* [1977] 1 LNS 92 mengenai perkataan "dorongan" yang dipetik menyatakan seperti berikut:

> The word inducement evidently refers to a future act.

[15] Persoalannya adakah wang RM350 diterima sebagai dorongan untuk jaminan lulus SP1 dalam ujian kelas D Jabatan Pengangkutan Jalan.

[16] SP1 dalam keterangannya semasa pemeriksaan balas menyatakan bahawa semasa ujian kelas D Jabatan Pengangkutan Jalan hanya orang JPJ yang akan berada bersama beliau untuk menentukan gagal atau lulus kelas. (rujuk ms. 42 dalam rekod rayuan)

[17] Keterangan ini disokong oleh SP2 sepertimana di ms. 51 dalam rekod rayuan.

[18] SP3 pula dalam pemeriksaan balas telah bersetuju bahawa jaminan lulus bukan dalam bidang kuasa responden dan hanya orang JPJ boleh luluskan atau gagalkan seseorang. (rujuk ms. 65 dalam rekod rayuan)

[19] Semua keterangan di atas dengan sendirinya menunjukkan bahawa responden tidak mengambil wang tersebut sebagai dorongan untuk luluskan lesen kerana "gerenti lulus" bukan di dalam bidang kuasa responden.

[20] Apa yang jelas keterangan semua saksi pendakwaan mengenai elemen ini melibatkan orang JPJ dan ini terpampang di dalam Borang Aduan (P6) di mana SP1 telah mengadu bahawa wang RM350 adalah untuk bayaran tester JPJ supaya beliau gerenti lulus. Oleh itu orang JPJ ini adalah "material witness" untuk

membuktikan pertuduhan. Sehubungan dengan ini dirujuk kes *Abdullah Zawawi Omar v. PP* [1985] 2 CLJ 2; [1985] CLJ (Rep) 19 di mana Mahkamah Agung memutuskan seperti berikut:

> The practice of making available a witness or witnesses from statements have been taken is to prevent the defence from commenting upon the honesty of the prosecution and thus invoking the often – quoted presumptions of adverse inference under Section 114(g) of the Evidence Act. But where the prosecution evidence falls short of proving a *prima facie* case at the end of its case, the right not to call such witness/witnesses and to make him/them available to the defence will be of no avail. If the doubt consists of the gap arising out of the matters adumbrated earlier the defence to call the offered witness/witnesses to supplement the prosecution.

[21] Menggunapakai prinsip dalam kes di atas maka tanpa membawa pegawai JPJ untuk beri keterangan mengenai wang RM350 supaya gerenti lulus ujian telah menimbulkan "gap in the prosecution case". Sungguhpun pendakwaan menawarkan pegawai JPJ kepada pembelaan selepas menutup kes pendakwaan itu tidaklah mencukupi untuk membuktikan elemen pertuduhan. Barang diingat adalah menjadi tanggungjawab pihak pendakwaan untuk memanggil saksi untuk melunaskan beban pembuktian *prima facie*.

[22] Dalam kes *Looi Kow Chai & Anor v. PP* [2003] 1 CLJ 734 dinyatakan seperti berikut:

> Both the majority and minority insists on a maximum evaluation of the prosecution's evidence at the close of the prosecution's case. If there are gaps in the evidence admits of more than one inference then applying either the view of the majority or the minority in Arulpragasan, the result would be the same in that the accused would be entitled to an acquittal at the close of the prosecution case.

[23] Begitu juga dalam kes *Mohan Singh Lachman Singh v. PP* [2002] 3 CLJ 293 mahkamah telah memutuskan seperti berikut:

> The burden of proving its case at every stage laid on the prosecution. The only task of the accussed is to raise a reasonable doubt as to the truth of the prosecution's case. If there are gaps in the case for the prosecution, these cannot be filled by resorting to a purported failing on the part of the defence to put specific questions relevant to its case. Such gaps must be filled by the prosecution itself. That has been always the law. It is still the law.

[24] Kegagalan pendakwaan mengemukakan pegawai JPJ dan disokong oleh otoriti-otoriti yang dinyatakan tadi maka mahkamah memutuskan terdapatnya gap dalam kes pendakwaan dan *"lacuna"* inilah yang menimbulkan keraguan akan wujudnya elemen dorongan di dalam pertuduhan dan disebabkan ketiadaan credible evidence ini maka gagallah pendakwaan membuktikan *prima facie* yang responden telah menerima suapan sebanyak RM350 untuk dibagikan kepada tester JPJ supaya Santhi a/p Doraisamy dijamin (guarantee) lulus ujian kelas D Jabatan Pengangkutan Jalan.

[25] Mahkamah juga perhatikan terdapat percanggahan "material" keterangan yang nyata oleh saksi-saksi pendakwaan dalam kes ini dan ini menyebabkan keterangan-keterangan tersebut menjadi "unreliable", "unsafe" dan "unsatisfaction" mengikut keputusan kes *Dato' Hj Azman Mahalan v. PP* [2007] 3 CLJ 495. Dalam hal ini adalah diperhatikan SP1 dan SP2 menyatakan bahawa responden mengajar dari pukul 12 hingga 5 petang lebih sikit. Tapi SP3 berkata responden ajar dari 11 pagi hingga 1 petang dan ini disokong oleh keterangan dokumen iaitu Jadual Kesebelas Borang SM4 Rekod Pengajaran Memandu (P13). Malangnya pendakwaan tidak memberikan sebarang penjelasan mengenai percanggahan ini. Rujuk kes *Gunalan Ramachandran & Ors v. PP* [2006] 1 CLJ 857 di mana Mahkamah Persekutuan menyatakan seperti berikut:

> On the facts, there was a serious discrepancy in the testimonies of two of the Police Officers as to what they saw the first accused doing when they entered the room, which had to be considered against the evidence of the accused that when the police entered the room, the first and the third accused were both in a standing position. In circumstances, the defense had succeeded in raising a reasonable doubt on the prosecution case that the first and the third accused were sitting cross legged facing the drugs when the police entered the room.

[26] Tanpa memberi penjelasan kepada percanggahan tersebut maka mahkamah boleh membuat "inference" berpihak kepada responden yang mana sebenarnya responden telah ajar SP1 lebih masa dan juga skill memandu.

[27] Seperkara lagi isu sampingan yang perlu dihalusi dan dikaji ialah mengenai jawapan SP2 iaitu "perbualan sebelum rekod" berhubung perkataan JPJ adalah dibuat oleh beliau bukan Aladib di dalam P18. Diperhatikan tidak ada pada bila-bila masa pun pendakwaan menjelaskan maksud pernyataan SP2 tersebut. Kalau

perbualan ini direkod sebelum ini, dengan jelasnya keterangan P18 dan P17 (pita) tidak boleh digunakan. Ini adalah kerana pita tersebut telah pun 'tempered with'.

Alasan-alasan (c) dan (i)

[28] Oleh kerana pihak pendakwaan gagal mengemukakan credible evidences untuk membuktikan kedua-dua elemen kesalahan di bawah s. 10(a)(aa) Akta Pencegahan Rasuah 1997 maka anggapan di bawah s. 42(1) Akta Pencegahan Rasuah 1997 adalah tidak terpakai.

Kesimpulan

[29] Jadi berdasarkan alasan-alasan di atas, maka mahkamah berpuashati bahawa memang benar pihak pendakwaan gagal membuktikan satu kes *prima facie* ke atas responden sebagaimana pertuduhan. Oleh yang demikian rayuan perayu ditolak dan perintah mahkamah perbicaraan melepas dan membebaskan responden tanpa dipanggil untuk membela diri dikekalkan.